

**SOALAN NO: 42**

Selain itu, pihak Kerajaan turut melaksanakan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar dan projek Jalur Lebar Luar Bandar yang menyediakan kemudahan jalur lebar dengan kelajuan sehingga 20Mbps di kawasan pinggir dan luar bandar.

Sebanyak 8,352 sambungan telah tersedia melibatkan 52 ibusawat di Sarawak, manakala sebanyak 16,056 sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap secara berperingkat pada tahun 2019 di bawah projek Jalur Lebar Pinggir Bandar. Manakala melalui projek Jalur Lebar Luar Bandar, sebanyak 1,320 sambungan telah tersedia melibatkan 1 ibusawat di Sarawak.